

1. **Mata Pelajaran** : Geografi
2. **Tingkatan** : 2 RK 1
3. **Tema** : Dinamik Penduduk (Tema 4)
4. **Tajuk** : Taburan Penduduk

## 5. Soalan Kurikulum

Soalan Penting : Apa akan berlaku jika semua penduduk berpindah ke bandar?  
Kenapa manusia ada di merata dunia?

Soalan Unit : 1. Kenapa taburan penduduk tidak sekata?  
2. Kenapa penduduk padat di bandar?

Soalan Kandungan : 1. Apakah jenis taburan penduduk?  
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia?  
3. Negeri manakah yang paling padat di Malaysia?

## 6. Objektif Pembelajaran

Pada akhir projek, pelajar dapat:

1. Mempersiapkan projek dalam bentuk laporan lisan.
2. Mempersiapkan projek dalam bentuk Power Point
3. Menyediakan dan menyiapkan model kawasan taburan penduduk Malaysia
4. Mempamerkan hasil projek

## 7. Ringkasan Pelajaran

Taburan penduduk ialah sebaran penduduk di sesuatu kawasan. Berdasarkan Banci Penduduk 2000, jumlah penduduk di Malaysia adalah kira-kira 23 274 690 orang. Kepadatan penduduk Malaysia ialah 71 orang setiap kilometer persegi. Sebanyak 79.9% daripada jumlah penduduk Malaysia tinggal di Semenanjung Malaysia, 11.2% di Sabah dan 8.9% di Sarawak. Taburan penduduk Malaysia tidak sekata dan dapat dibahagikan kepada kawasan berpenduduk padat, sederhana dan jarang.

## **8. Prosedur**

### Pra-projek

1. Guru memilih satu kumpulan terdiri daripada 3 hingga 5 orang pelajar dalam satu kelas yang sama.
2. Guru memberi dan membincangkan tajuk projek
3. Guru menetapkan tempoh masa selama 4 minggu untuk menyiapkan projek.
4. Pelajar membincangkan/berkolaborasi tentang soalan penting (Essential Question) dalam kumpulan dengan bantuan fasilitator (guru).

### Minggu 1

1. Pelajar mendapatkan maklumat melalui internet, perpustakaan, buku teks dan buku rujukan. Pelajar mencari maklumat tentang taburan penduduk di Malaysia.
2. Pelajar mengumpul dan membincangkan maklumat yang telah diperolehi.
3. Guru mengenalpasti cara pelajar mempersembahkan projek

### Minggu 2

1. Pelajar menyediakan bahan dan menyiapkan model taburan penduduk di Malaysia.
2. Rubrik model

### Minggu 3

1. Pelajar menyediakan persembahan multimedia tentang taburan penduduk.
2. Rubrik multimedia
3. Pelajar berbincang dengan guru untuk memperbaiki hasil projek

### Minggu 4

1. Pelajar membentangkan persembahan multimedia
2. Guru membuat ulasan terhadap pembentangan yang dilakukan
3. Pelajar mempamerkan model taburan penduduk.
4. Rubrik lisan

## **9. Tempoh Masa**

4 minggu

## **10. Pengetahuan/Kemahiran Sedia Ada**

- i. Pengetahuan am bandar dan luar bandar
- ii. Kemahiran mengakses internet, menyediakan Power Point.
- iii. Pengetahuan peta Malaysia.

## **11. Bahan Bantu Mengajar/Sumber Pembelajaran**

- i. Teknologi – Peralatan (Komputer, Kamera, Capaian Internet, Pencetak, LCD, Alat Pengimbas)
- ii. Teknologi – Perisian (Pemproses Imej)
- iii. Bahan Bercetak – Buku teks, buku rujukan
- iv. Sumber internet – laman web URL

## **12. Pentaksiran**

Rubrik model dan power point

## **13. Kata kunci – taburan penduduk**